

15 JANUARI 2018

**Adakah Farid Kamil ambil dadah psikoaktif NPS?**

KOSMO! ISNIN 15 JANUARI 2018

NEGARA! 3

**Adakah Farid Kamil ambil dadah psikoaktif NPS?**

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

Polis Kota Damansara, keadaan emosi Farid masih tidak stabil menyebabkan kita mengesyaki kemungkinan tinggi pelakon lelaki berusia 34 itu mengambil dadah NPS.



FARID KAMIL

**KUALA LUMPUR** - Datuk Farid Kamil disyaki mengambil bahan dadah psikoaktif baharu dikenali New Psychoactive Substances (NPS) sehingga mendorong pelakon itu melakukan tindakan mengemparkan dunia hiburan dengan menampar anggota polis dan menendang orang awam ketika berada di kaunter Cawangan Trafik, Balai Polis Kota Damansara di sini pada Khamis lalu. Satu sumber berkata, hasil ujian air kencing pada mulanya mendapati Farid yang juga suami kepada Datin Diana Danielle disyaki positif mengambil dadah jenis ganja. "Namun selepas beberapa hari berada dalam lokap Balai



DIANA DANIELLE

"Dadah NPS merupakan dadah baharu yang semua orang tahu pengambilannya gagal dikesan melalui ujian air kencing. Pengambilannya juga mungkin menyebabkan keadaan Farid sekarang yang masih berhalusinasi walaupun sudah beberapa hari berada dalam lokap," kata sumber itu ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, polis kini masih menjalankan siasatan berhubung kemungkinan pengambilan dadah NPS termasuk lokasi bekalan dadah berkenaan diperolehi.



KERATAN Kosmo! 5 Disember 2017.



KERATAN Kosmo! 6 Disember 2017.

Dalam perkembangan sama, *Kosmo!* juga difahamkan pihak polis sudah merakamkan keterangan isterinya, Diana bagi membantu siasatan berhubung penahanan suaminya. Dalam keterangan kepada polis, Diana yang sedang menjalini penggambaran filem *Gol dan Gincu 2* didakwa turut menafikan berlaku keretakan dalam rumah tangga mereka. *Kosmo!* pada 5 Disember lalu melaporkan Malaysia bakal berdepan dengan ancaman bahan dadah psikoaktif baharu NPS yang digunakan bagi

menghasilkan dadah sintetik terkini sehingga menyebabkan individu yang mengambilnya menjadi seperti mayat hidup. Bahan sintetik itu juga boleh dikatakan sama seperti dadah jenis flakka yang menjadikan seseorang tidak sedar diri dan kelihatan seperti zombi. Agensi-agensi penguat kuasa dan pakar-pakar jenayah meramalkan dalam tempoh tiga hingga tahun akan datang, dadah sintetik dan tradisional yang berada di pasaran Malaysia bakal pupus dan digantikan dadah NPS.

**INFO Dadah NPS**

- New Psychoactive Substances (NPS) adalah sejenis bahan kimia dalam bentuk cecair dan serbuk yang dicampur dalam ubat. Namun ia disalah guna oleh pakar kimia dengan mencampurkannya dengan dadah sedia ada bagi menghasilkan dadah baharu yang memberi kesan lebih kuat
- Terdapat laporan mengatakan NPS dihasilkan di China sebelum dieksport ke negara lain di Eropah serta dilabelkan semula dengan nama seperti 'Spice' atau K2
- Ia mempunyai kesan psikotropik yang sama atau hampir sama dengan dadah yang diharamkan tetapi bahan kimia yang digunakan tidak menyalahi undang-undang
- Sesetengah NPS mempunyai kesan berkali ganda berbanding dadah biasa dan berisiko menyebabkan kematian yang tidak dapat dijelaskan puncanya
- Sebahagian NPS telah diharamkan di beberapa negara Eropah dan Amerika Syarikat.
- Kajian mendapati NPS merupakan satu ancaman baharu yang akan menggantikan dadah sintetik yang lain seperti syabu, ekstasi dan lain-lain

